



Ruj. Kami: Bil.( 7 ) dlm.JPS.Sel. 04/1/1 Jld. 7

Tarikh: 21 Mei 2018

## SENARAI SEPERTI DI LAMPIRAN A

Tuan/puan,

### **PEMATUHAN KEPADA 1PEKELILING PERBENDAHARAAN (PK.4) BERHUBUNG PERAKUAN BAYARAN INTERIM**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan 1PP – PK4 (BAB III Perkara 3 Sub 3.1) mengenai Pentadbiran Kontrak dalam Perolehan Kerja Secara Am, Pegawai Penguasa (P.P.) hendaklah membuat penilaian ke atas kerja yang telah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali sebulan.

3. Manakala Perkara 3 Sub 3.3, Perakuan Interim mestilah dikeluarkan oleh P.P. dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penilaian. Pembayaran ke atas interim hendaklah dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perakuan interim dikeluarkan menurut peruntukan Kontrak.

4. Tuan Pengarah selaku pegawai penguasa memandang serius berkenaan isu ini kerana mendapati wakil P.P. masih gagal mengemukakan interim setiap bulan ke Bahagian Ukur Bahan JPS Negeri Selangor, walaupun mengetahui berkenaan isu ini melalui teguran audit.

Sehubungan dengan itu, tuan/puan dikehendaki mematuhi sepenuhnya pekeliling ini dan mengemukakan Perakuan Interim yang telah lengkap bagi tujuan kelulusan P.P.

Sekian, terima kasih.

**'MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI'**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

  
**Ir. HJ. AZMI BIN IBRAHIM),**  
Pengaroh,  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
Negeri Selangor.

ikin/1.1J7/2018/-  
farhan@waterselangor.gov.my